

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2014

M/S : 26

26 NASIONAL

Berita Harian

22.9.2014

m/s 26

© ISIN 22 SEPTEMBER 2014

BH

Semak keputusan di portal rasmi SPA

» 28,000 individu lepas ujian peperiksaan skim perkhidmatan awam Separa Perubatan

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Calon yang menduduki peperiksaan bertulis bagi memasuki skim perkhidmatan awam Separa Perubatan, Sabtu lalu boleh menyemak status keputusan di portal rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada jam 12 tengah hari, hari ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mah-

mood Adam, berkata setakat pagi semalam, seramai 28,000 daripada lebih 40,000 calon dilaporkan berjaya melepasi ujian peperiksaan berkenaan bagi mengisi jawatan bertaraf diploma itu seperti latihan jururawat, juru x-ray, penolong pegawai farmasi dan penolong pegawai perubatan.

Masalah teknikal dikesan

Katanya, walaupun terdapat masalah teknikal dikesan ketika peperiksaan atas talian bermula pada jam 10 pagi bagi Seksyen A (Pengetahuan Am) selama 40 mi-

nit dan pada 10.55 pagi bagi Seksyen B (Ujian psikometrik) yang berakhir pada jam 11.15 pagi, pihaknya berjaya mengatasinya dengan segera pada waktu yang sama.

"Saya pelik juga ada gangguan berlaku ketika peperiksaan itu berlangsung. Kita ada 58 server yang mana setiap satu dibuka untuk 1,500 talian.

"Namun, kita berjaya mengatasi masalah itu dan membenarkan calon menduduki semula peperiksaan pada jam 12.30 tengah hari pada hari sama.

"Bagaimanapun, hanya kertas soalan di Seksyen B sahaja dibuka kerana Seksyen A tidak menghadapi masalah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

40,000 duduki peperiksaan

Menurut kenyataan yang dikeluarkan SPA menerusi portal rasminya, lebih 40,000 calon menduduki peperiksaan berkenaan dengan jayanya termasuk 30 calon yang berada di 16 negara termasuk Singapura, Indonesia, India, Korea Selatan, dan Amerika Syarikat.